

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang Akademik 1994/95

April 1995

EBS 409/2 - Undang-Undang Perlombongan

Masa: [ 2 jam]

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

Sila pastikan kertas ini mengandungi EMPAT (4) mukasurat bercetak sebelum anda meneruskan dengan peperiksaan ini.

Kertas ini mengandungi ENAM (6) soalan

Jawab mana-mana EMPAT (4) soalan

Jawapan bagi setiap soalan hendaklah di mulakan pada muka surat yang baru.

Semua soalan hendaklah dijawab dalam Bahasa Malaysia.

.2/-

1. Berkaitan dengan Pajakan Melombong, bincangkan tentang:-
  - (a) Empat hak-hak yang termaklum bagi pemajak (seksyen 14, Enakmen Perlombongan).  
(35 markah)
  - (b) Lima syarat-syarat yang termaklum dikenakan ke atas pemajak (seksyen 16, Enakmen Perlombongan).  
(35 markah)
  - (c) Perkara-perkara yang boleh menyebabkan pajakan melombong itu ditarik balik oleh kerajaan (Seksyen 21, Enakmen Perlombongan)  
(30 markah)
2. Di bawah "Peraturan-Peraturan Berkenaan Bahan-Bahan Letupan" terangkan tentang langkah-langkah keselamatan yang perlu dipatuhi berkaitan dengan perkara-perkara yang berikut:-
  - (i) Menyimpan bahan-bahan letupan dalam kawasan lombong;  
(20 markah)
  - (ii) Pemindahan bahan-bahan letupan ke tempat kerja;  
(20 markah)
  - (iii) Sebelum pemecahan dimulakan;  
(20 markah)
  - (iv) Sebelum memulakan kerja selepas pemecahan;  
(20 markah)

- (v) Apabila wasap terhasil dari letupan bahan letupan nitro.  
(20 markah)
3. Di bawah "Peraturan-Peraturan Berkennaan Pekerjaan-Pekerjaan Bawah Tanah", nyatakan peraturan-peraturan berkenaan perkara-perkara yang berikut:-
- (i) Menggali syaf  
(20 markah)
- (ii) Permukaan kerja menghampiri satu takungan air;  
(20 markah)
- (iii) Berhampiran dengan tempat kerja yang sudah lama ditinggalkan  
(20 markah)
- (iv) Laluan tangga dalam syaf menegak;  
(20 markah)
- (v) Langkah-langkah yang perlu diambil sebelum meninggalkan (abandon) sesuatu tempat kerja bawah tanah.  
(20 markah)
- 4 (a) Terangkan tentang ciri-ciri atau alat-alat keselamatan yang diperlukan di atas sebuah kapal korek dan sebutkan fungsi-fungsi mereka.  
(60 markah)
- (b) Semua motor-bot untuk membawa pekerja-pekerja pergi dan balik dari kapal korek mesti mematuhi peraturan-peraturan tertentu. Apakah peraturan-peraturan itu?  
(40 markah)

5. (a) Satu skema pengkuarian mesti dimajukan kepada Pentadbir Tanah dan diluluskan oleh beliau sebelum sebarang kerja pengkuarian boleh dimulakan. Terangkan tentang keperluan skema pengkuarian tersebut.  
(60 markah)
- (b) Sebutkan atau terangkan tentang peruntukkan bagi perlindungan alam sekitar dan mencegah kecemaran dalam operasi pengkuarian.  
(40 markah)
6. Terangkan tentang peraturan-peraturan keselamatan yang diperuntukkan di bawah "Peraturan-Peraturan Kuari Negeri Perak 1992" berkaitan dengan perkara-perkara yang berikut:-
- (i) Tempat-tempat kerja yang tinggi dan cerun;  
(20 markah)
  - (ii) Jalan keluar kecemasan dan jalan masuk ketempat-tempat kerja;  
(20 markah)
  - (iii) Alat-alat keselamatan;  
(20 markah)
  - (iv) Alat pernafasan dan topi keselamatan  
(10 markah)
  - (v) Bahan-bahan letupan;  
(20 markah)
  - (vi) Kemudahan pertolongan cemas.  
(10 markah)

-oo000oo-